



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**  
**PELANJUTAN TEMPOH MORATORIUM TERHADAP AKTIVITI**  
**PERLOMBONGAN DAN PENGEKSPORTAN BAUKSIT DI PAHANG**  
**31 DISEMBER 2018**

---

1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli ingin memaklumkan bahawa moratorium ke atas aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit dari Pahang yang berakhir pada 31 Disember 2018 **dilanjutkan lagi sehingga 31 Mac 2019**.
2. Pada 7 September 2018, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli telah mengeluarkan kenyataan berhubung pelanjutan moratorium terhadap aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit di Pahang sehingga 31 Disember 2018. Persetujuan telah dicapai dalam pertemuan antara YB Menteri Air Tanah dan Sumber Asli bersama YAB Menteri Besar Pahang bahawa moratorium hanya ditarik balik selepas SOP baharu berhubung perlombongan, pengangkutan, pengurusan *stockpile* dan pengeksportan bauksit dimuktamadkan.
3. Moratorium tersebut juga perlu bagi memberi laluan terhadap pengosongan *stockpile* bauksit dari Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman.

4. Dalam hal ini, SOP baharu berhubung perlombongan, pengangkutan, pengurusan *stockpile* dan pengeksportan bauksit telahpun disediakan oleh suatu *Task Force* yang diwujudkan bersama melibatkan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

5. Berdasarkan laporan pemantauan yang diterima dan mesyuarat yang diadakan bersama agensi-agensi yang berkaitan pada 21 Disember 2018, didapati pengosongan *stockpile* dari Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman masih belum berlaku.

6. Oleh yang demikian, moratorium ke atas aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit dari Pahang perlu dilanjutkan lagi. *Stockpile* bauksit dari Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Kemaman perlu dikosongkan sebelum prosedur baharu yang telah dirangka berhubung perlombongan, pengangkutan, pengurusan *stockpile* dan pengeksportan bauksit dari Pahang dapat dilaksanakan.

7. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli ingin mengingatkan semua pihak yang terlibat bahawa perintah berhenti kerja (*stop work order*) yang dikeluarkan di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 ketika permulaan pengenaan moratorium ini masih lagi berkuat kuasa dan mana-mana pihak tidak dibenarkan menjalankan apa-apa kerja perlombongan bauksit di Pahang sehinggalah perintah ini ditarik balik.

**Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli**

**31 Disember 2018**